



Ruj. Kami : ANM (S).266 JLD1(3)

Tarikh : 7 September 2020

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**TINDAKAN UNTUK MENYELESAIKAN PEMBAYARAN BAGI PENERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (GRN/FRN)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Semakan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sembilan mendapati bahawa Jabatan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan masih mempunyai Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (**GRN/ FRN**) yang belum selesai sehingga pembayaran kepada pembekal dan berstatus Akaun Belum Bayar (ABB).

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan dipohon untuk membuat semakan status pembayaran bagi bekalan dan perkhidmatan yang terlibat. Sekiranya pembayaran masih belum dijelaskan, kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan invoice diterima daripada pembekal dan memproses Arahan Pembayaran sehingga nombor *Electronic Telegraphic Transfer (EFT)* dijana.

4. Bersama-sama ini disertakan senarai Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (GRN/FRN) **seperti di Lampiran A** untuk diambil tindakan oleh pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan selanjutnya. Sekiranya pembayaran telah dilaksanakan atau terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan bolehlah menghubungi Maslina binti Tumin di talian 06-768 6844.

5. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A.(M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan